

NAMA :

TARIKH :

KELAS :

LATIHAN TATABAHASA : KATA BANTU

Lengkapkan petikan di bawah dengan kata bantu yang sesuai. Seretkan jawapan yang betul. (Drag & Drop)

masih

sudah

belum

dapat

akan

pernah

harus

perlu

Pada setiap hujung minggu, Pak Atan menjual sayur-sayuran di pasar tani. Ketika anak-anaknya _____ bangun, Pak Atan sudah bersiap sedia untuk berniaga. Sebagai ketua keluarga, dia _____ cekal dan gigih berusaha. Sebelum itu, dia _____ bekerja di kilang kasut tetapi tidak bertahan lama kerana lebih berminat untuk berkebun.

Pak Atan mengusahakan sebidang tanah dengan tanaman sayur di belakang rumahnya. Hasil tanamannya sangat subur. Pak Atan dibantu oleh isteri dan anak-anaknya. Hasil tanaman itu _____ dipetik pada waktu yang sesuai supaya tidak rosak. Dengan hasil jualan sayur-sayuran itulah, Pak Atan _____ menyara keluarganya.

Kehidupannya agak susah pada peringkat awal kerana anak-anaknya _____ bersekolah dan memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Namun begitu, sekarang anak sulungnya _____ pun menamatkan pengajian di universiti dan _____ mula bekerja. Dia mampu menarik nafas lega kerana bebannya semakin ringan.

